

Rasulullah s.a.w. Bapa Mithali **Siri 2**

# Cara Efektif Mengembangkan Fikiran Anak-Anak

## 1. Menceritakan Kisah Nabi dan Rasul

**M**enceritakan kisah-kisah bersejarah terutamanya yang berkaitan dengan para nabi dan rasul boleh meningkatkan kesedaran akal dan intelektual anak-anak.

Hal ini dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w. apabila Baginda selalu menceritakan kisah-kisah nabi terdahulu kepada para sahabat. Terdapat juga anak-anak kecil yang turut serta ketika

Nabi s.a.w. bercerita tentang sesuatu peristiwa yang terjadi pada masa dahulu.

Kenapa penceritaan kisah-kisah sebegini dapat mengembangkan pemikiran anak? Jelasnya kerana kisah-kisah para nabi berdasarkan kepada realiti dan bukannya cerita-cerita khurafat dan kisah-kisah dongeng. Kisah nabi ialah kisah yang dapat memberikan dorongan dan semangat kepada anak serta membina kesedaran Islam dalam pemikiran mereka.

Kepentingan serta kebenaran kisah-kisah nabi ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. di dalam surah Hud ayat 120 yang bermaksud:

"Dan tiap-tiap berita dari berita rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman."

## 2. Interaksi dengan Mudah dan Berstrategi

Berinteraksi dengan anak mestilah *straight to the point* atau dalam erti kata lain, apa yang dibicarakan itu mestilah mudah difahami dan teratur. Interaksi sebegini akan membuatkan anak merasa lebih seronok berinteraksi dengan ibu atau bapa mereka. Hal ini demikian diajar oleh Rasulullah s.a.w. malah Baginda mahu kita bercakap dengan jelas dan menggunakan bahasa yang mudah difahami.

Rasulullah ketika ingin berinteraksi akan menggunakan panggilan-panggilan yang mendekati diri Baginda dengan orang yang berinteraksi dengannya. Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w. sering menggunakan panggilan seperti "Wahai anakku". Perkara ini dapat kita lihat ketika Baginda s.a.w. bersabda kepada Anas: "Wahai anakku, jika kamu mampu bangun pagi dan memasuki petang tanpa melakukan dosa terhadap sesiapa pun, maka lakukanlah kerana itu termasuk sunnahku. Sesiapa yang menghidupkan sunnahku, sesungguhnya dia seperti menghidupkanku. Dan sesiapa yang menghidupkanku, kelak dia akan bersamaku di dalam syurga." (Riwayat al-Tirmizi)

Berdasarkan hadis di atas kita dapat melihat Baginda s.a.w. mengamalkan komunikasi yang berkesan dengan menggunakan strategi-strategi tertentu serta berbahasa dengan bahasa yang mudah difahami.





### 3. Interaksi yang Sesuai dengan Kemampuan Akal Anak

Pemikiran dan akal anak-anak terbatas terutamanya untuk memahami sesuatu konsep yang kompleks kerana akal mereka masih dalam proses perkembangan. Oleh sebab itu sebagai seorang ibu atau bapa, kita seharusnya berinteraksi dengan mereka berdasarkan tahap kemampuan akal mereka.

Rasulullah s.a.w. pernah berinteraksi dengan seorang anak perempuan dengan menggunakan bahasa Habsyah. "Ya Umm Khalid. Haaza sinaa." Sinaa adalah bahasa Habsyah yang bermaksud cantik. Anak kecil tersebut adalah Ummu Khalid yang dilahirkan di Habsyah kerana ibu bapanya berhijrah ke sana. Ketika berinteraksi dengan anak kecil ini, Rasulullah s.a.w. menggunakan bahasa yang mudah difahami.

Selain interaksi, Rasulullah s.a.w. juga tidak membebankan anak-anak kecil dengan kerja-kerja yang di luar kemampuannya. Kenyataan ini dapat kita lihat berdasarkan pengalaman Anas r.a. bersama Nabi s.a.w. selama sepuluh tahun. Baginda tidak pernah marah atau mencacinya walaupun Anas melakukan kesalahan. Ini adalah kerana pemikiran anak kecil terbatas dan sekiranya seorang bapa memaksa anaknya melakukan sesuatu yang di luar kemampuannya, dia telah berlaku zalim terhadap anak tersebut.

Oleh yang demikian, sebagai seorang ibu atau bapa seharusnya kita berinteraksi dengan anak berdasarkan kemampuan mereka dari segi pemikiran kerana sekiranya anak itu tidak memahami apa yang dibicarakan maka mereka akan cuba untuk menjauhkan diri daripada ibu bapa mereka.

### 4. Berkomunikasi dengan Tenang

Berkomunikasi dengan tenang bersama anak boleh membantu mereka menajamkan akal. Membiasakan anak supaya berkomunikasi dengan ibu atau ayah boleh mendorong mereka untuk tidak merasa segan dan malu untuk meluahkan apa yang terpendam di hati. Selain itu juga, anak akan mengungkapkan serta menyatakan haknya dan bertanya soalan yang tidak difahami kepada ibu bapa mereka.

Baginda s.a.w. selalu berkomunikasi dengan tenang sama ada bersama anak kecil, para sahabat atau orang awam. Rasulullah s.a.w. pernah berhadapan dengan seorang pemuda



#### Mohd Azrul Azlen Abd Hamid

Lulusan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana (MA) dalam bahasa Arab juga di UIAM, dan sedang menyambung pengajian peringkat Ph.D di Universiti Malaya.

Kini sebagai pensyarah di UIAM. Berpengalaman dalam bidang motivasi dan kepimpinan dan aktif dalam penerbitan buku ilmiah dan artikel majalah. Boleh dihubungi di: mohdazrulazlan@gmail.com.

## Ayah Derhaka?

Sayidina Umar al-Khattab juga sering mencontohi Baginda s.a.w. dalam berkomunikasi. Pada suatu hari datang seorang bapa yang mengadu tentang anaknya yang selalu derhaka kepadanya. Khalifah Umar kemudiannya berjumpa dan bertanya kepada anak tersebut:

Khalifah Umar: Kenapa kamu derhaka kepada ayahmu?

Anak: Wahai Amirul Mukminin, apakah hak yang perlu ditunaikan oleh seorang ayah?

Khalifah Umar: Memberikan nama yang baik, memilih ibu yang baik dan mengajarkannya al-Quran.

Anak: Wahai Amirul Mukminin, ayahku tidak melaksanakan hak terhadap daku.

(Khalifah Umar menoleh kepada si ayah) Khalifah Umar: Kamu telah derhaka kepada anakmu sebelum anakmu menderhakaimu.

yang ingin melakukan zina. Namun, dengan ketenangan dan kebijaksanaan Baginda s.a.w. ketika berkomunikasi dengan pemuda tersebut, dia (pemuda) tidak jadi untuk melakukan perzinaan bahkan merasa benci terhadapnya.

### 5. Mendidik Secara Praktikal

Mendidik dan mengasah ketajaman pancaindera anak melalui latihan praktikal akan mengembangkan pemikiran dan akal mereka. Rasulullah s.a.w. melatih anak dengan menunjukkannya secara praktikal. Suatu hari ketika Rasulullah sedang berjalan Baginda ternampak seorang anak muda sedang melapah kulit kambing dengan cara yang

## Cara Efektif Mengembangkan Pemikiran Anak-Anak



salah. Baginda kemudiannya datang kepada anak muda tersebut dan menunjukkan cara melapah kambing yang betul.

Jadi, sebagai ibu atau bapa kita seharusnya mempraktikkan cara yang terbaik dan efektif bagi mengembangkan pemikiran anak kita. Pendekatan sosiologi dan psikologi yang diambil oleh Rasulullah dalam mendidik anak adalah satu panduan yang sempurna bagi kita sebagai umat Islam untuk mempraktikkannya dalam kehidupan berkeluarga. ■

## Kisah-Kisah daripada al-Quran

Kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran terbahagi kepada 3 jenis

### Kisah Nabi dan rasul

Al-Quran memaparkan kisah-kisah para Nabi dan kaum mereka, mukjizat para Nabi, metodologi dakwah, akibat terhadap kaum mereka yang ingkar dan taat, dan sebagainya. Contohnya kisah nabi Nuh, Ibrahim, Yusuf, Musa, Isa, Muhammad dan lain-lain.

### Kisah-kisah yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w.

Kisah-kisah yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. masih segar dalam sejarah malah turut direkod dalam al-Quran seperti kisah perang Badar dan Uhud dalam surah Ali 'Imran, perang Hunain dan Tabuk dalam surah al-Taubah, hijrah, Isra' dan Mikraj dan pelbagai lagi.

### Kisah-kisah berkaitan peristiwa atau individu atau kumpulan tertentu

Al-Quran mempersembahkan kisah-kisah silam yang ada pengajaran berguna dan kisah individu atau kumpulan tertentu selain Nabi. Contohnya; kisah Ashab al-Kahfi, Qarun, kisah Mariam bonda Isa a.s., Ashab al-Ukhdud dan sebagainya.